

Banjir kelima dalam tempoh sebulan

135 penduduk di tiga kampung dipindahkan ke pusat pemindahan banjir

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

BALING – Kejadian kali kelima dalam tempoh sebulan menyebabkan seramai 135 penduduk daripada 38 keluarga di tiga kampung sekitar daerah ini terpaksa dipindahkan lagi akibat banjir, kelmariin.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Daerah Baling, Mohd Faizol Ab Aziz berkata, antara kampung yang terlibat ialah Kampung Seri Ketengga, Kampung Baru 60 dan Kampung Tanjung Pari.

“Semua mangsa banjir terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir kira-kira jam 7.30 malam (kelmarin).

“Buat masa ini, semua mangsa masih belum dibenarkan pulang kerana keadaan cuaca yang tidak menentu,” katanya.



Air Sungai Ketil naik mendadak selepas hujan mengakibatkan banjir di tiga kampung.

Menurutnya, jumlah mangsa banjir yang dipindahkan setakat jam 6 petang semalam masih kekal 135 orang dan tiada pertambahan.

Difahamkan, kejadian itu bermula apabila hujan lebat pada jam 3.30 petang kelmariin sebelum air mula naik beberapa jam kemudian.